

MEMELIHARA AGAMA (HIFZ AL-DIN) DALAM PAKEJ PELANCONGAN PATUH SYARIAH

PRESERVING RELIGION (HIFZ AL-DIN) ON SHARIAH COMPLIANT TOURISM PACKAGE

Noor Syahirah Zakariaⁱ & Azizah Othmanⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar PhD, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM).
noorsyahirah_507@yahoo.com

ⁱⁱ Profesor Madya, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM).
o.azizah@uum.edu.my

Abstract	<i>Preservation of religion is one of the purposes of shari'ah. The importance of preserving religion is at the forefront of the importance of preserving life, intellect, dignity and lineage and lastly property. Therefore, as a human being who is given the status of a caliph, it is forbidden to do things that are contrary to Islamic law. The objective of this study is to explore the concept of shariah-compliant tourism in terms of preserving the religion of 'hifz al-din'. The qualitative technique employed in this study is based on references and research such as articles, journals, books, empirical studies, and the findings of interviews with different informants from an academic perspective. The results of the study also found that this shari'ah-compliant tourism package is very important because it is in accordance with the perspective of maqasid shari'ah, namely in the preservation of religion to lead social well-being and the general interest of 'maslahah'. The study also found that the preservation of religion in shari'ah-compliant tourism packages is strongly encouraged in tourism to meet the needs of human nature and at the same time tourism should not be contrary with shari'ah as outlined in Islamic teachings. In this sense, Islam has established criteria to ensure that tourism activities or packages are compliant with Islamic law while also respecting the ideal of religious preservation.</i> Keywords: <i>Hifz al-Din, Tourism, Package, Shari'ah, Compliant.</i>
Abstrak	<i>Pemeliharaan agama merupakan salah satu daripada matlamat syariah. Kepentingan dalam menjaga agama berada pada kedudukan yang paling utama daripada kepentingan menjaga nyawa, akal, maruah dan keturunan dan akhir sekali harta benda. Oleh itu, sebagai manusia yang diberikan status sebagai khalifah ditegah untuk melakukan perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Objektif untuk kajian ini adalah untuk meneroka konsep pelancongan patuh syariah dari segi pemeliharaan agama 'hifz al-din'. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada rujukan dan penelitian seperti dokumen dari pelbagai sumber iaitu artikel, jurnal, buku, kajian empirikal dan hasil tembuwal beberapa informan dari perspektif akademik. Hasil kajian juga mendapati pakej pelancongan patuh syariah ini sangat penting kerana selaras dengan perspektif maqasid shari'ah iaitu dalam pemeliharaan agama untuk membawa kepada kesejahteraan sosial dan kepentingan umum 'maslahah'. Kajian juga mendapati pemeliharaan agama dalam pakej pelancongan patuh syariah sangat digalakkan dalam</i>

	<i>pelancongan bagi memenuhi keperluan fitrah semula jadi manusia dan pada masa yang sama juga pelancongan tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan syarak sebagaimana yang telah digariskan dalam ajaran Islam. Sehubungan dengan itu bahawa Islam telah menggariskan panduan supaya aktiviti atau pakej pelancongan tersebut selari dengan kehendak syarak dan pada masa yang sama konsep pemeliharaan agama dapat dipelihara.</i> Kata kunci: <i>Hifz al-Din, Pakej, Pelancongan, Patuh, Syariah.</i>
--	--

PENGENALAN

Pelancongan banyak dinyatakan di dalam al-Quran iaitu tentang galakan manusia dalam melakukan aktiviti pelancongan agar dapat mengambil iktibar, berdakwah, menuntut ilmu serta mencari rezeki dan sebagainya (Hashim & Mazlan, 2018). Berdasarkan firman Allah S.W.T

﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَأَمْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِن رِّزْقِهِ ۚ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ﴾

Maksudnya: “Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu yang mudah dijelajahi, maka jelajilah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezekiNya. Dan hanya kepadaNya kamu (kembali setelah) dibangkitkan” (al-Quran. al-Mulk: 15)

Kini, bidang pelancongan Islam sudah diminati oleh masyarakat di Malaysia kerana sudah banyak agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan patuh syariah. Dari sudut yang positif, masyarakat Malaysia kini mula menyedari pelancongan yang patuh syariah (Hussin & Ahmad, 2018). Jumlah pelancong muslim iaitu anggaran perbelanjaan adalah \$192 bilion yang mewakili 13.36% daripada perbelanjaan pelancongan global pada tahun 2020 dan destinasi utama bagi pelancong Muslim adalah Malaysia, Turki dan Emiriah Arab Bersatu diikuti oleh Singapura, Rusia, China, Perancis, Thailand dan Itali (Fisol et al., 2019).

METODOLOGI

Kajian kualitatif digunakan oleh pengkaji bertujuan untuk memahami sesuatu situasi dan fenomena dengan lebih mendalam (Creswell, 2003). Untuk memastikan pemeliharaan agama dalam pakej pelancongan patuh syariah lebih jelas, kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini iaitu melibatkan kaedah temubual bersemuka dengan enam orang informan yang berlatar belakang dalam bidang dari pelancongan dan syariah. Pemilihan informan adalah berdasarkan persampelan bola salji (snow ball sampling) iaitu merujuk kepada prosedur persampelan di mana responden kajian diminta untuk mencadangkan subjek lain yang mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk kajian (Chua, 2011).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebagaimana yang diketahui, aplikasi konsep *maqasid shariah* itu sangat luas dalam pelancongan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan penulisan ini kepada *Hifz al-Din* sahaja iaitu pemeliharaan agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah. Hasil kajian terbahagi kepada tiga iaitu akidah, syariah dan akhlak seperti berikut:

1. Akidah

Islam amat mementingkan akidah kerana ia merupakan asas utama keimanan bagi seseorang Muslim (Jasni, 2016). Akidah ialah suatu perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga jiwa menjadi tenang kerana tiada lagi keraguan dan kesamaran untuk beriman kepada Allah S.W.T. (Wahab & Azmi, 2013). Akidah dari segi bahasa bermaksud ‘simpulan atau ikatan yang kuat dan teguh’ manakala dari segi istilah didefinisikan sebagai “pembenaran di dalam hati terhadap sesuatu yang turut dipercayainya secara pasti (putus) tanpa ada sedikit pun perasaan syak atau ragu-ragu

(Hamat, 2002). Berdasarkan hasil kajian daripada segi akidah adalah seperti berikut iaitu niat yang baik, menjaga agama, tidak syirik atau menduakan Allah S.W.T dan murtad.

i. Niat Yang Baik

Islam menekankan niat yang baik dalam kehidupan manusia. Untuk menjadikan niat itu diterima dan berharga mengikut ajaran Islam, seseorang itu haruslah berniat kerana Allah S.W.T. Sementara itu, Battour dan Ismail (2015) juga berpendapat bahawa elemen lain yang diperlukan iaitu “*niyyah*” atau niat untuk menjadikan aktiviti itu Islamik. Malah, niat itu disyariatkan bertujuan antaranya untuk membezakan antara ibadat dan adat, sebagai contoh duduk di dalam masjid untuk beristirehat merupakan adat sedangkan duduk untuk beriktikaf di dalam masjid merupakan ibadat (Jasmi, 2016). Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akidah ialah niat yang baik. Menurut informan yang ditemubual:

“...kita buat bersandarkan dengan Allah, niat tu yang pertama, agen pelancongan ni niat apa kerana Allah juga” (I3)

“...setiap pakej tu sepatutnya memang berniatkan tak kisah siapa yang anjurkan pakej, boleh jadi orang bukan muslim pun boleh anjurkan...operator mana pun yang buat sebenarnya niat dia sepatutnya niat yang baik, dia buat pakej pelancongan syariah, pakej pelancongan yang patuh syariah itu sepatutnya niat yang baik” (I5)

Tuhan menilai seseorang itu mengikut pada hati serta perbuatannya dan tidak akan menilai seseorang itu berdasarkan penampilan atau kekayaan seseorang melainkan kesucian dan keikhlasan hati seseorang dalam melakukan kebaikan dan menjalankan tingkah laku peribadinya.

ii. Menjaga Agama

Menjaga agama Islam adalah wajib bagi setiap yang beragama Islam. Dalam firman Allah S.W.T:

﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ﴾

Maksudnya: “Barang siapa mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk di kalangan orang yang rugi”. (al-Quran. Āli ‘Imrān: 85).

Bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akidah ialah menjaga agama. Menurut informan yang ditemubual:

“...kalau pemeliharaan agama, saya rasa kalau pergi melancong, kita punya akidah semua tu terjaga, kita tak ada buat benda yang tak sepatutnya luar daripada sebagai orang Islam” (I4)

“...untuk yang pertama tentang pemeliharaan agama perkara yang penting ialah kita kena jaga Islam kita tu” (I6)

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga nama baik agama Islam dengan menghalang diri dan tidak melakukan sesuatu yang boleh menjatuhkan maruah seorang Muslim yang beragama Islam ketika melancong ke tempat-tempat yang majoritinya adalah orang bukan Islam. Kita hendaklah menunjukkan imej seorang Muslim yang baik walau di mana pun kita berada.

iii. Tidak Syirik atau Menduakan Allah

Syirik atau menduakan Allah jelas dianggap satu perbuatan yang bercanggah dengan agama Islam kerana boleh merosakkan akidah umat Islam. Allah S.W.T telah berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan (dosa) orang yang mempersekutukanNya (syirik), dan Dia mengampuni apa (dosa) yang selain daripada (syirik) bagi siapa yang Dia kehendaki" (al-Quran. al-Nisā': 48).

Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akidah ialah jangan syirik atau menduakan Allah S.W.T. Menurut informan yang ditemubual:

"...syirik itu bermaksud kita menduakan Allah, maknanya kita pergi melancong kita pergi ke tempat-tempat yang bukan Islam, kita pergi Tokong, kita kata, kan senang nampak Tokong ni, nampaklah Tuhan dia, yang kita nak sembah Allah ni kita tak tahu, lebih baik kita sembah benda yang kita nampak, ayat-ayat macam itulah menyebabkan kita syirik" (I6)

"...saya rasa kalau pergi melancong, kita punya akidah terjaga...contohnya kalau melawat shrine (kuil) macam di Osaka, orang yang tak ada agama, mereka akan melakukan aktiviti ritual keagamaan...jadi kalau pandangan saya bila bawa orang, kita cuma gambarkan atau terangkan apa benda yang mereka lakukan, tapi saya akan terangkan kita tak boleh ikut apa yang mereka buat" (I4)

Justeru itu, kita hendaklah berhati-hati dalam setiap perbuatan atau tindak-tanduk yang dilakukan supaya tidak bercanggah dengan ajaran Islam sebenar tidak kira di mana pun kita berada.

iv. Mengelakkan Perkara Murtad

Maksud murtad dari aspek syariat ialah berazam untuk menukar daripada agama Islam kepada agama yang lain daripada Islam. Berdasarkan kajian, faktor yang menyumbang kepada penukaran agama adalah disebabkan oleh kurangnya pendidikan dan kejahilan agama, cinta, perkahwinan bersama, gerakan dakwah agama dan proses modenisasi, kelonggaran undang-undang, pentadbiran agama dan masyarakat. pemimpin, sistem pendidikan Islam, kurang peranan mubaligh, diskriminasi orang Islam yang mualaf (Yusuf et al., 2012). Manakala menurut wahbah al-Zuhaili yang dikutip oleh Hassan Saleh, murtad atau *riddah* adalah keluar dari Islam menjadi kafir (sesudah beriman), baik dengan niat, ucapan atau perbuatan yang menyebabkan seseorang dikategorikan kafir (Murthada & Mutawali, 2017). Berikut merupakan pendapat ulama berkenaan dengan pengertian murtad (Laman Web Mufti Wilayah Persekutuan, 2015):

- Mazhab Hanafi: "Murtad ialah ibarat daripada kembali daripada iman kepada kufur." (Badā'i' al-Ṣanā'i' & Hāshiah Ibn 'Ābidīn [4/221]).
- Mazhab Maliki: "Iaitu orang Islam yang kufur dengan nyata sama ada dengan perkataan atau perbuatan yang mengandungi kekufuran." (Minah al-Jalīl [4/461]).
- Mazhab Shafi'i: "Iaitu memutuskan Islam dengan niat atau ucapan kufur atau dengan perbuatan sama ada perkataannya secara mengejek, ingkar atau dengan iktikadnya." (Mughnī al-Muhtāj [4/134]).
- Mazhab Hanbali: "Siapa yang kufur dengan sukarela walaupun sudah mumayyiz selepas Islamnya dengan perkataan, iktikad, ragu dan syak tentang Islam walaupun secara bergurau dan walaupun keIslamannya dipaksa dengan cara sebenar." (al-Rawḍ al-Nadī Sharḥ Kāfī al-Mubtadī [hal 479]).

Umat Islam juga ditegah untuk melakukan perkara yang bercanggah dengan syariat Islam seperti bid'ah, khurafat, syirik ataupun apa-apa perkara yang boleh menyebabkan jatuhnya syahadah seseorang itu melalui iktikad, lisan dan juga perbuatan (Abd Wahab et al., 2019). Firman Allah S.W.T:

﴿وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ﴾

Maksudnya: “Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya” (al-Quran. al-Baqarah: 217).

Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akidah ialah jangan murtad. Menurut informan yang ditemubual:

“...murtad ni namanya keluar agama, tapi kadang-kadang kita punya ayat tu boleh menyebabkan kita kufur, kita jadi macam murtad, contohnya dia kata nak pergi melancong dan minta kepada lelaki satu kumpulan, orang perempuan satu kumpulan, kenapa tak campur tuan, tak boleh kita ini orang Islam, lelaki dengan perempuan kena jalan berasingan tak boleh campur-campur, ahhhhhhh payah lah agama macam ini, takkan itu tak boleh, kita bukannya buat apa-apa, apalah Islam ni menyusahkan, itu boleh jatuh kita punya syahadah kita kalau jadi macam itu, sebab kita mempertikai” (16)

Sesungguhnya menjaga akidah itu adalah sangat penting dalam Islam dan agama juga tidak boleh untuk dipersendakan atau dipermainkan sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan ataupun melalui hati kerana ia mengundang kepada dosa besar yang boleh menyebabkan murtad (terkeluar daripada agama Islam).

2. Syariah

Syariah dari segi bahasa bermaksud jalan yang lurus atau jalan yang dilalui oleh orang ramai bagi mendapatkan sumber air untuk diminum atau untuk binatang ternakan mereka (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Perkataan syariah juga ada disebut di dalam al-Quran:

﴿ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Kemudian Kami jadikan engkau (Muhammad) mengikuti syariat-syariat (peraturan) daripada agama itu, maka ikutilah (syariat itu) dan janganlah engkau ikuti keinginan orang yang tidak mengetahui” (al-Quran. al-Jāthiyah: 18).

Berdasarkan hasil kajian dari segi syariah adalah seperti berikut iaitu makanan halal, pelaksanaan ibadah solat dan penginapan semasa melancong.

i. Makanan Halal

Ketersediaan makanan halal menjadi perhatian utama umat Islam, restoran dan juga pembekal yang memenuhi keperluan mereka. Ini tidak hanya berlaku di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia (Marzuki, Hall & Ballantine, 2012). Daripada al-Quran juga menganjurkan manusia supaya memilih makanan yang halal dan baik. Daripada firman Allah S.W.T:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ﴾

Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu”* (al-Quran. al-Baqarah: 168).

Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek syariah ialah memakan makanan yang halal. Menurut informan yang ditemubual:

“...kalau kita lihat maknanya dalam menjaga agama, paling ringkas seperti menjaga pemakanan, halalan tayyiban itu masuk dalam aspek menjaga agama” (I1)

“...saya akan cuba cari pakej pelancongan muslim kalau saya nak melancong ke mana-mana dengan anak saya, jadi saya punya waktu solat terjaga, makanan halal pun dah ada, jadi saya tak perlu fikir benda-benda yang meragukan” (I2)

“...kalau ada agama ni, dia akan jaga semuanya, nak cari makanan pun, dia akan cari yang halal” (I3)

Sebagai umat Islam, menjadi tanggungjawab untuk memastikan setiap makanan minuman yang diambil mestilah dari sumber yang halal kerana menjadi keutamaan bagi seorang Muslim walaupun di mana-mana sahaja kita berada. Malah, dengan bantuan teknologi kita boleh merujuk dengan menggunakan aplikasi carian tempat makanan halal, menggunakan khidmat bantuan masyarakat tempatan ataupun melalui pakej pelancongan yang disediakan tidak menjadi halangan untuk melancong ke negara lain.

ii. Pelaksanaan Ibadah Solat

Ibadat solat adalah sebesar-besar ibadah yang merupakan tiang agama untuk mendekatkan diri kepada Tuhan dan juga mampu untuk mendidik akhlak yang baik dan keperibadian yang tinggi (Abu Hassan et al., 2019). Bilik-bilik hotel dalam pelancongan Islam juga harus menyediakan penanda yang menunjukkan arah kiblat (arah Kabbah di Mekah) bagi muslim yang ingin beribadah di bilik mereka (Battour et al., 2014). Malah, ketersediaan masjid di kawasan pelancongan juga dapat meningkatkan tahap kepuasan dengan menjadikan perkhidmatan Islam lebih mudah diakses (Battour et al., 2013). Jika ibadah solat yang dilakukan atau diamalkan itu dengan baik, ianya akan dapat mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar. Firman Allah S.W.T:

﴿ أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۚ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۚ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴾

Maksudnya: *“Bacalah Kitab (al-Quran) yang telah diwahyukan kepadamu (Muhammad) dan laksanakan solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada (perbuatan) keji dan mungkar. Dan (ketahuilah) mengingati Allah (solat) itu lebih besar (keutamaannya daripada ibadah yang lain). Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan”* (al-Quran. al-‘Ankabūt: 45).

Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek syariah ialah pelaksanaan ibadah solat. Menurut informan yang ditemubual:

“...bila kita melancong kita ada waktu dalam perjalanan waktu zohor waktu solat, jadi macam mana pakej pelancongan itu mengatur jadual perjalanan supaya bila sampai waktu solat, dia akan bawa ke masjid atau ke tempat solat

ataupun memberi kemudahan dari segi maklumat tentang waktu-waktu solat” (I1)

“...saya akan cuba cari pakej pelancongan muslim kalau saya nak melancong ke mana-mana dengan anak saya, jadi saya punya waktu solat terjaga” (I2)

“...kalau ada agama ni, dia akan jaga semua, maksudnya dari segi solat, dia akan pentingkan solat” (I3)

“...solat tu tiang agama, maknanya dari segi pelancongan pergilah ke mana pun, tapi jangan tinggalkan solat, bila tinggalkan solat, maka runtuhlah agama” (I6)

Justeru itu, apabila seorang Muslim itu sentiasa menjaga solatnya tidak kira di manapun berada. Maka, secara tidak langsung seorang Muslim itu dapat melahirkan sifat-sifat yang baik dan positif dalam diri mereka.

iii. Penginapan Semasa Melancong

Dalam pematuhan syariah juga menegaskan undang-undang pemisahan gender yang lebih ketat, seperti kafe dan restoran yang berasing, kakitangan yang hanya melayani tetamu yang sama jantina, dan pasangan yang belum berkahwin tidak berkongsi bilik tidur (Henderson, 2010). Berdasarkan Jabatan Piawaian Malaysia (2015), bilik harus mempunyai ruang lantai yang tersedia untuk para tetamu Muslim untuk menunaikan solat (solat harian) dan bilik cuci harus dilengkapi dengan bidet, tempat basuh tangan atau paip air dan dijaga kebersihannya. Selain itu, organisasi juga harus menandakan arah kiblat (Mekah), yang disahkan oleh pihak berkuasa yang berkelayakan (Razak, Yusof & Aziz, 2019). Tambahan itu, bilik mesti mempunyai kemudahan atau produk penjagaan diri yang sesuai untuk kegunaan Muslim dan tidak ada minuman beralkohol yang disimpan di dalam peti sejuk dalam bilik tersebut (Razak et al., 2019). Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek syariah ialah penginapan semasa melancong. Menurut informan yang ditemubual:

“...seorang Muslim itu dapat melaksanakan tentang agama dia khususnya solat ataupun puasa ataupun ada menyediakan petunjuk arah dalam bilik, menyediakan arah kiblat, menyediakan sejadah, itu dah biasa kita dapat di hotel-hotel, itu sahaja berkaitan agama” (I1).

Justeru itu, pemilihan penginapan semasa melancong juga amat penting dalam pakej pelancongan supaya memberi keselesaan dan selamat kepada pelancong.

3. Akhlak

Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Dawud yang bermaksud: *“Sesungguhnya aku dibangkitkan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak. Dari hadith ini juga jelas menunjukkan bahawa akhlak merupakan suatu perkara yang sangat penting di dalam kehidupan manusia malah kemuliaan dan penghormatan sesuatu bangsa itu adalah daripada akhlaknya”* (Yalawae, Ab Halim & Wan Ismail, 2011). Rasulullah S.A.W juga bersabda yang diriwayatkan oleh al-Hakim yang bermaksud: *“Moral merupakan gedung rahsia agama”. Lantaran itu, mereka yang berakhlak mulia bermaksud mereka memahami agama dan menghayati ajarannya”* (Yalawei et al., 2011). Justeru itu, pentingnya akhlak yang baik dalam kehidupan manusia kerana dengan menunjukkan akhlak yang baik akan memberi ketenangan hati manakala akhlak yang buruk akan meruntuhkan diri sendiri sebagai seorang Muslim.

i. Tazkirah

Pengisian ilmu ataupun tazkirah ketika melancong juga sangat penting kerana dapat mendidik jiwa pelancong untuk kembali ke jalan yang diredhai Allah S.W.T. Malah,

perkongsian ilmu ibadat juga amat penting seperti mengerjakan solat *jama'* (himpun) dan qasar (pendekkan) ketika melancong supaya perjalanan tersebut adalah mengikut syariat agama. Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akhlak ialah tazkirah. Menurut informan yang ditemubual:

"...mungkin adakan satu slot untuk macam tazkirah, tazkirah ringkas, jadi benda tu sangat bagus" (I3)

Dengan pengisian ilmu kepada pelancong juga dapat memberi kebaikan kerana mendidik manusia untuk lebih mengingati Allah S.W.T walau dimana berada dan memberi peringatan supaya tidak melakukan perkara yang yang dilarang dalam Islam ketika melancong. Berdasarkan firman Allah S.W.T:

﴿فَأَنْذِرْ﴾

Maksudnya: *"Bangunlah, lalu berilah peringatan"* (al-Quran. al-Muddathir: 2),

Berdasarkan ayat ini juga menunjukkan supaya manusia sentiasa beringat dengan tidak melakukan perkara yang menjurus kepada keburukan.

ii. Zikrullah

Berzikir merupakan satu ibadat yang sangat mudah untuk diamalkan oleh setiap orang tidak kira seseorang itu berada dalam apa-apa keadaan sama ada secara dalam hati ataupun secara lisan. Daripada firman Allah S.W.T yang bermaksud:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا﴾

Maksudnya: *"Wahai orang yang beriman! Ingatlah kepada Allah, dengan mengingati (namaNya) sebanyak-banyaknya"* (al-Quran. al-Aḥzāb: 41).

Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akhlak ialah berzikir. Menurut informan yang ditemubual:

"...bila kita nak jaga pemeliharaan agama dari segi kita melancong ialah kita kena banyakkkan bertasbih berzikir kepada Allah dan sentiasa ingat kepada Allah S.W.T" (I6)

Berdasarkan kenyataan di atas, zikir dapat mendidik hati hambanya untuk mencari kebaikan kerana mengingati Allah S.W.T walaupun di mana kita berada seperti ketika melancong. Dengan berzikir mengingati Allah S.W.T, hatinya akan selalu untuk takut melakukan sesuatu yang dilarang dalam Islam.

iii. Menjaga Pergaulan Bebas

Syariah melarang orang Islam bergaul bebas sebagai contoh seks bebas kerana ia membawa kepada fitnah (godaan yang mungkin membawa kepada perkara buruk), hasrat keinginan, perbuatan tidak senonoh, dan amalan menipu (Battour, Ismail & Battor, 2011). Bagi mengelakkan berlakunya percampuran bebas antara lelaki dan perempuan serta berlakunya zina, Islam menggalakkan perkahwinan yang disahkan oleh syarak bagi memelihara maruah dan keturunan (Fisol et al., 2019; Mohd Noor & Mohd Noor, 2018). Sebagaimana yang telah disyariatkanNya dalam al-Quran:

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الزَّيْنَىٰ ۖ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا﴾

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk"* (al-Quran. al-Isrā': 32).

Daripada hasil temubual beberapa informan, bagi menjaga agama di dalam pakej pelancongan patuh syariah di dalam aspek akhlak ialah menjaga pergaulan bebas. Menurut informan yang ditemubual:

*“...bila dikaitkan dengan agama ni, maksudnya dari segi pergaulan pun kena jaga, kadang-kadang kita tengok anak-anak muda, kadang-kadang pergaulan tu kurang jaga sikit, mungkin ejen pelancongan tu sendiri yang jenis menjaga, mereka boleh selitkan ada sesi tazkirah ke solat berjemaah ke”
(I3)*

Islam tidak melarang umatnya untuk bergaul tetapi perlulah menjaga batas-batas pergaulan di antara lelaki dan perempuan ketika melancong.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, perkembangan pelancongan Islam harus diperhatikan secara menyeluruh dalam pakej pelancongan untuk memenuhi kehendak syariah. Oleh kerana syariah adalah mengenai keseluruhan gaya hidup seorang Muslim, produk pelancongan Islam juga harus mencerminkan konsep islam yang dibenarkan serta memenuhi dengan kehendak syarak.

PENGAKUAN

Penyelidikan ini telah dibiayai sendiri. Penyelidikan ini adalah sebahagian dari disertasi yang dikemukakan sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh gelaran Doktor Falsafah di Pusat Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM).

RUJUKAN

Buku

- Al-Quran Tajwid Dan Terjemahan: Berserta Asbabun Nuzul, Hadith Sahih dan Indeks Tematik*. Penerbit Humaira Bookstore Enterprise.
- Chua, Y. P. 2011. *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches* (2nd Ed.). Sage Publications. International Educational and Professional Publisher.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Niat dan Ikhlas*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Ed. Pertama, 88-90). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES). ISBN: 978-967-0194-66-0.

Jurnal

- Abd Wahab, N. A., Ab Hamid, N., Che Man, N., & Hashim, S. N. I. 2019. *Konsep Hifz Al-'Aql Dalam Aktiviti Pelancongan: Satu Kajian Awal*. *Journal of Muwafaqat*, 2(2), 73-92.
- Abu Hassan, S., Yahya, M.A., & Ibrahim, A.F. 2019. *Kesan Pelaksanaan Solat Terhadap Akhlak Mukallaf Menurut Al-Quran dan Al-Hadith*. *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 4, 100-115.
- Battour, M., & Ismail. M. N. 2015. *Halal Tourism: Concepts, Practices, Challenges and Future*. *Tourism Management Perspectives*. Vol. 19., Part B. 150-154.
- Battour, M., Battor, M., & Bhatti, M.A. 2014. *Islamic Attributes of Destination: Construct Development and Measurement Validation, and Their Impact on Tourist Satisfaction*. *International Journal of Tourism Research*, 16, 556-564.
- Battour, M., Ismail, M. & Battor, M. 2011. *The Impact of Destination Attributes on Muslim Tourist's Choice*. *International Journal of Tourism Research*, 13(6), 527-540.
- Fisol, W. M. N., Suid, I. S., Saufi, M. S. A. M., & Bahari, A. 2019. *Islamic Tourism Development Based on the Scientific of the Maqasid Shari'ah Framework*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 784-795.

- Hamat, M.F. 2002. *Peranan Akidah Dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis Dalam Konteks Masyarakat Kini*. Jurnal Usuluddin, 16, 13-34.
- Henderson, J. C. 2010. *Sharia-Compliant Hotels*. Tourism and Hospitality Research, 10(3), 246-254.
- Hussin, A.H., & Ahmad, S. 2018. *Ke Arah Pelaksanaan Pelancongan Patuh Syariah Di Malaysia*. At-Tahkim, 8(30).
- Marzuki, S. Z. S., Hall, C. M., & Ballantine, P. W. 2012. *Restaurant Managers' Perspectives on Halal Certification*. Journal of Islamic Marketing, 3(1), 47-58.
- Murtadha, R., & Mutawali, M. 2017. *Murtad: Antara Hukuman Mati dan Kebebasan Beragama*. OSF HOME. <https://osf.io/hsmkc/>
- Razak, N. A. A., Yusof, R. N. R., & Aziz, Y. A. 2019. *Challenges in Implementing Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS) in Shariah-Compliant Hotels in Malaysia*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 9(10), 67-72.
- Sulong, J. 2016. *Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang dan Fatwa di Pulau Pinang: Safeguard the Islamic Faith: An Analysis from Law and Fatwa Enforcement in Pulau Pinang*. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 18, 1-34. <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2016no1.1>.
- Wahab, M. R., & Azmi, M.F. 2013. *Kedudukan Akal Dalam Pendalilan Akidah*. Jurnal Teknologi (Social Sciences), 63, 1, 31-39.
- Yalawae, A., Ab Halim, M.A., Wan Ismail, W.A.F. 2011. *Akidah: Peranan Dan Kepentingannya Dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga*. Jurnal Usuluddin, 33.
- Mohd Yusof, F., Rosman, A. S., Suratman, A. S., Ripin, M. N., & Ruskam, A. 2012. *Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia*. Sains Humanika, 59(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v59n1.182>

Laman Sesawang

- Irsyad Usul Al-Fiqh Siri Ke-44: Perbezaan Antara Syariah Dan Fiqh. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-usul-fiqh/4056-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-44-perbezaan-antara-syariah-dan-fiqh> (diakses pada 01 Disember 2021)
- Irsyad Al-Fatwa Ke-25: Pengertian Murtad. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2064-25> (diakses pada 01 Disember 2021)
- Waspada Punca Yang Menyebabkan Akidah Terbatal. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/08/181919/waspada-punca-yang-menyebabkan-akidah-terbatal> (diakses pada 01 Disember 2021)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.